

In these conditions, the expression “Box” means the Safe Deposit Box agreed to be hired by the Hirer and the expression “Hirer” includes any persons authorised under his Mandate and the masculine pronoun also implies the feminine gender and the “Bank ” means AmBank (M) Berhad and its Branches where such services are available, and “GST” means any taxes payable on the supply of goods, services or other things in accordance with the provisions of GST Law, and “GST Law” means the Goods and Services Tax Act 2014, subsidiary legislations, statutory orders and regulations governing the application of GST, as amended from time to time.

1. To hire a Box, the Hirer shall enter into an Agreement with the Bank for the hiring of the Box under the following conditions:
 - a) The Hirer is required to pay the Box’s rental either in advance, minimum of one (1) year and maximum up to two (2) years or;
 - b) Open an AmBank CASA / CASA-i for the arrangement of standing instruction / auto debit for the yearly rental payment;
 - c) The Bank is allowed to debit the necessary fees and charges of the Box facility which includes deposit of the Box’s key and stamping fees.
2. The Agreement shall not confer on the Hirer any greater or other interest than a license to use the Box during the term of hire for the deposit of articles of a suitable nature in accordance with these conditions.
3. The Bank shall not be deemed to become a bailee of the contents of the Box or any part thereof.
4. The Bank shall not be deemed to have any knowledge of any of the articles deposited and shall in no way be held responsible for any of the contents in the Box and the Bank shall not be responsible for any losses or damages in respect of the contents in the Box howsoever caused or howsoever arising nor shall it be affected by notice of any trusts or equities in respect of the same or any part thereof.
5. Only the Hirer shall be permitted access to the Box. He will not be allowed to sublet the Box or any part thereof. He may, however, authorise another person to have access to his Box under a Mandate executed on the Bank’s form and such a person is hereby deemed to have the Hirer’s full authority to remove or otherwise deal with the contents of his Box upon production of the keys and his signature being verified to the satisfaction of the Bank. The Bank shall not be liable for any acts or omissions of such person and shall not be liable for any losses that may arise from the use by any persons of a forged chop or a forged authority or the unauthorised use of the chop of the Hirer to obtain access to the Box.
6. Each Box shall have two sets of keys, namely the A keys which shall be kept by the Bank, and the B keys which shall be delivered to the Hirer on payment of a deposit. The Hirer undertakes to keep the B keys very carefully. If the B keys be lost, stolen or mislaid, the Hirer shall immediately report it to the Bank and the Bank may issue a new B key to the Hirer or replace the B lock and the costs and expenses thereof shall be borne by the Hirer. Notwithstanding the Bank being notified of the loss of the key, the Bank shall not be responsible for any losses or damages resulting from the Box being opened and the contents removed by any persons producing the key and impersonating the Hirer by forging the signature. All necessary repairs to the lock or keys shall be carried out exclusively by workmen nominated by the Bank. The expenses incurred on repairs arising other than through reasonable wear and tear shall be borne by the Hirer. When a Box is hired jointly by two (2) Hirers the Bank shall have the discretion to allow the surviving Hirer to have access to the Box depending on the mode of operation to access the box. The Hirer may lodge with the Bank either his specimen signature or his specimen chop. The Bank will exercise due care but will not accept any responsibilities for loss or damage arising from the use of his chop / signature and / or from the use of a forged chop / forged signature by any other persons.
7. The Hirer shall not use or permit the Box to be used for the deposit of any liquids or anything of an explosive, dangerous or offensive nature, or anything which may become a nuisance to the Bank or the Hirer or any other Safe Deposit Boxes, or for any other purposes than for the deposit of articles or documents of value; and the Hirer will on demand permit the Bank to inspect the contents of the Box for the purpose of ensuring that this condition is being complied with. If the Bank suffers any damages or losses, or incurs any liabilities as a result of the Hirer’s breach of the Condition, the Hirer shall fully indemnify the Bank and / or his Officers against such damages, losses or liabilities.

8. The Hirer may have access to the Box on any days during the business hours of the Bank's branch on his signing an application for such access but the Bank shall not be bound to allow such access in the following events:-
- (a) If the signature of the Hirer is not verified to the satisfaction of the Bank; and the Bank shall not be responsible for any losses or damages arising from the Bank refusing to give the applicant access to the Box by reason of the Bank not being satisfied as to the genuineness of the signature; or
 - (b) If the Hirer does not produce a 'B' Key for the Box or use a 'B' Key to open the Box;
 - (c) If the rent is in arrears and unpaid or any sum is due and owing to the Bank from the Hirer under these conditions.
9. The Bank shall be entitled to suspend the Hirer's right of access to the Box at any time and from time to time and for such duration or period at the Bank's absolute discretion without giving any prior notices and without giving any reasons therefore including without prejudice to the generality of the foregoing:-
- (a) In the event of an emergency situation or to make alterations or repairs to the Box area or for the purpose of safety or security; or
 - (b) In the event that the Bank receives notice of a bankruptcy petition, a winding up petition or an injunction against the Hirer or in the event of any other legal issues, attachments, actions or proceedings concerning the Hirer or the Box or this Agreement; or
 - (c) If so required by law or in order to comply with any laws; or
 - (d) Disputes between joint Box holders.
10. If the rent shall be in arrears and shall have remained unpaid for one (1) calendar month after the due date whether formally demanded or not or if there shall be any breaches or non-observances or non-performances by the Hirer of any of the provisions of this Agreement, the Hirer shall forfeit any rights of access to the Box but shall remain liable to pay the rent or, as the case may be, remedy the default (if capable of being remedied) within one (1) calendar month from the date of the notice from the Bank. If the Hirer fails to comply, the Bank shall be at liberty by notice to the Hirer:-
- (a) to terminate this Agreement forthwith; and / or
 - (b) to set off the arrears from any account or accounts which the Hirer may have with the Bank
11. The Bank may terminate this Agreement at any time without assigning reason by giving the Hirer not less than one (1) calendar month's prior notice of such termination or in accordance with clause 10 above. The Hirer may terminate this Agreement at any time by giving one (1) calendar months' notice in writing of such termination.
12. On the termination of the Agreement for hire by the Bank or the Hirer all the property deposited in the Box shall be removed and the B key returned to the Bank. The receipt of the B key will be acknowledged by the Bank by way of refunding the deposit. In the case of a joint hiring where the manner of operation of the Box is that a requisite composition or combination of the joint hirers shall have access to the Box, each of the joint hirers hereby agrees that the Bank shall follow the mode of operation of the Box on termination of Agreement and to close the Box and such mode of operation shall be a complete discharge of the obligations of the Bank to all the joint hirers. Upon the termination of this Agreement in any manners, for any reasons or under any circumstances whatsoever, the annual rent paid to the bank is not refundable.
13. If the contents of the Box is not removed or the B key is not returned to the Bank on / or after the termination of the Agreement, the Bank shall have the right at any time thereafter
- (a) to break open the Box in the presence of two (2) officers of the Bank. After breaking open the Box the Bank shall prepare a statement on the contents in the Box which shall be signed by two officers of the Bank and this shall be conclusive evidence as to the items found in the Box at the time when the Box was opened, and retain the contents in such place as it may think fit;
 - (b) to impose charges equivalent to double the amount of the rent for the period commencing from the day immediately following the day of termination of this Agreement until the day all the contents of the Box are removed by the Hirer or all the contents of the Box shall cease to be with the Bank and the B key is returned to and received by the Bank;

- (c) If within a further period of 2 months the monies are not paid or such condition is not fulfilled, the Bank may forthwith without further notice and at the expense of the Hirer sell all or any of the contents in the Box by public auction or private sale and apply the net proceeds in or towards satisfaction of the monies due to the Bank for such rent or expenses as aforesaid and the surplus proceeds of sale (if any) shall be retained by the Bank for such Hirer without any liabilities on the part of the Bank for interest and the Bank shall not be liable for any loss / losses which may be occasioned by such sale.
14. In the event of the death of the Hirer or one of the jointly Hirers with all to sign mode of operation, his legal personal representative or representatives if more than one, on producing the Grant of Probate or Letter of Administration and signing his name or their name in the Application Form and producing the B key, may have access to and open the Box and remove all the contents, and this act shall automatically terminate the Agreement. The Bank may at its sole discretion without being responsible for any losses, before the Grant of Probate or Letter of Administration permits any persons claiming to be entitled to administer the deceased Hirer's estate to open the Box and examine the contents in the presence of an officer of the Bank, but such person shall not remove any of the contents. For the jointly Hirers with either one to sign mode of operation, the surviving Hirer should get the access to the Box by producing his signature and the B key.
15. Any notices left at or sent by post in an envelope addressed to Hirer at the address he has given to the Bank or to such other address as he may from time to time in writing instruct the Bank to substitute shall be deemed to have been duly served on the Hirer.
16. It is hereby expressly agreed that in the event of loss suffered by Hirer(s) as a result of destruction / loss / damage to the contents in the Box arising out of robbery / burglary / disaster in the safe deposit vault, the Bank shall subject to completion of proper claims documentation, be liable up to a maximum sum of RM10,000-00 only. In all circumstances, there shall be no liability for consequential loss. This clause shall apply whether a claim or legal action for the loss is instituted pursuant to this Agreement or otherwise.
17. The Bank shall be entitled at any time and from time to time to reserves the right upon giving adequate notice to the rental payable and any other terms and conditions governing the hiring of safe deposit boxes by publishing the notices via Bank's official website or notices at branches of Bank and such amended rate shall take effect from the date specified in the said notice. Service of such notice shall be affected in the manner provided herein. Hirers are required to log on to the Bank's corporate website at www.ambankgroup.com for the latest Safe Deposit Box Terms & Conditions.
18. Unless expressly stated otherwise in these Conditions, the Hirer(s) agree(s) that the rent, fees and charges to be borne by the Hirer(s) in respect of the goods and services supplied by the Bank under the Agreement is exclusive of GST as may be applicable under the provision of the GST Law. If any supplies made under the Agreement are subject to GST, the Bank may increase the consideration provided for by the amount of the GST and recover that additional amount from the Hirer(s) in addition to the rent, fees and charges of the Box facility.

Dalam syarat-syarat ini, ungkapan “Peti” bermakna Peti Deposit Keselamatan yang dipersetujui untuk disewa oleh Penyewa dan ungkapan “Penyewa” merangkumi mana-mana individu yang dibenarkan di bawah Mandat beliau dan kata ganti nama maskulin juga melibatkan jantina feminin dan “Bank” bermakna AmBank (M) Berhad dan Cawangannya di tempat perkhidmatan sedemikian disediakan, dan “CBP (*Cukai Barang dan Perkhidmatan*)” bermakna apa-apa cukai yang kena dibayar bagi sebarang pembekalan barang, perkhidmatan atau perkara-perkara lain selaras dengan peruntukan Undang-undang CBP dan “*Undang-undang CBP*” bermakna Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, perundangan subsidiari, perintah-perintah berkanun dan peraturan-peraturan yang mentadbir pelaksanaan CBP, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

1. Untuk menyewa Peti, Penyewa akan memasuki Perjanjian dengan Bank untuk menyewa Peti dengan syarat-syarat seperti yang disenaraikan di bawah ini:
 - a) Penyewa dikehendaki sama ada membayar sewaan Peti terlebih dahulu, minimum satu (1) tahun dan maksimum sehingga dua (2) tahun atau
 - b) Membuka AmBank CASA/CASA-i untuk aturan arahan tetap/autodebit bagi pembayaran sewaan tahunan.
 - c) Bank dibenarkan mendebitkan bayaran dan caj yang berkenaan bagi kemudahan Peti yang merangkumi deposit bagi kunci dan yuran setem Peti.
2. Perjanjian tidak akan memberikan kepada Penyewa apa-apa kepentingan yang lebih besar atau lain-lain kepentingan selain lesen untuk menggunakan Peti sepanjang tempoh penyewaan bagi menandatangani barang-barang yang bersesuaian selaras dengan syarat-syarat ini.
3. Bank tidak akan dianggap menjadi penjamin bagi kandungan Peti atau apa-apa bahagian daripadanya.
4. Bank tidak akan dianggap mempunyai sebarang pengetahuan berkenaan barang-barang yang didepositkan dan tidak akan dipertanggungjawabkan dengan apa jua cara sekalipun bagi sebarang kandungan di dalam Peti dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan berhubung dengan kandungan Peti walau bagaimana sekalipun ia berpunca atau timbul dan ia juga tidak akan terjejas oleh notis bagi apa-apa amanah atau ekuiti berhubung dengan yang sama atau apa-apa bahagian daripadanya.
5. Hanya Penyewa akan dibenarkan mengakses Peti. Penyewa tidak akan dibenarkan menyewakan semula seluruh atau mana-mana bahagian daripada Peti tersebut. Walau bagaimanapun, Penyewa boleh membenarkan orang lain mendapat akses kepada Peti beliau di bawah Mandat yang diberi melalui borang Bank dan orang sedemikian dengan ini dianggap mempunyai kebenaran penuh Penyewa untuk mengeluarkan atau sebaliknya menguruskan kandungan Peti beliau dengan mengemukakan kunci setelah Bank puas hati dengan mengesahkan tandatangannya. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tindakan atau kelalaian pihak tersebut dan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin timbul daripada penggunaan cop palsu atau kebenaran palsu oleh mana-mana orang atau penggunaan cop Penyewa tanpa kebenaran untuk mendapatkan akses kepada Peti.
6. Setiap Peti akan mempunyai dua set kunci, iaitu kunci A yang akan disimpan oleh Bank, dan kunci B yang akan dihantar kepada Penyewa setelah pembayaran deposit dibuat. Penyewa berjanji akan menyimpan kunci B dengan berhati-hati. Jika kunci B hilang, dicuri atau tersalah letak, Penyewa akan melaporkannya kepada Bank dengan segera dan Bank boleh mengeluarkan kunci B yang baru kepada Penyewa atau menggantikan ibu kunci B dan kos serta perbelanjaannya akan ditanggung oleh Penyewa. Walaupun Bank dimaklumkan tentang kehilangan kunci, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan daripada Peti dibuka dan kandungannya dikeluarkan oleh mana-mana orang yang mengemukakan kunci dan menyamar sebagai Penyewa dengan memalsukan tandatangan. Semua kerja membaiki kepada ibu kunci dan kunci akan dijalankan secara eksklusif oleh pekerja yang dicalonkan oleh Bank. Perbelanjaan yang ditanggung disebabkan kerja pembaikan yang timbul selain daripada melalui haus dan lusuh yang munasabah akan ditanggung oleh Penyewa. Apabila Peti disewa secara bersama oleh dua (2) Penyewa, Bank akan mempunyai budi bicara untuk membenarkan Penyewa yang masih hidup untuk mempunyai akses kepada Peti bergantung kepada mod operasi untuk mengakses peti. Penyewa boleh memberikan kepada Bank sama ada contoh tandatangan beliau atau contoh cop beliau. Bank akan mengamalkan perhatian yang sewajarnya tetapi tidak akan menerima apa-apa tanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang muncul daripada penggunaan cop/tandatangan penyewa dan/atau daripada penggunaan cop palsu/tandatangan palsu oleh mana-mana orang lain.
7. Penyewa tidak akan menggunakan atau membenarkan Peti digunakan untuk menandatangani apa-apa cecair atau apa-apa bahan yang bersifat letupan, merbahaya atau memudaratkan, atau apa-apa yang mungkin mengganggu Bank atau Penyewa atau mana-mana Peti Deposit Keselamatan yang lain, atau untuk tujuan lain selain untuk menandatangani barang-barang atau dokumen berharga; dan atas permintaan Penyewa akan membenarkan Bank memeriksa kandungan

Peti untuk tujuan memastikan bahawa syarat ini dipatuhi. Jika Bank mengalami apa-apa kerosakan atau kerugian, atau menanggung apa-apa liabiliti akibat pelanggaran Penyewa terhadap Syarat, Penyewa mestilah membayar ganti rugi kepada Bank dan/atau Pegawainya bagi kerosakan, kerugian atau liabiliti sedemikian.

8. Penyewa boleh menggunakan Peti pada mana-mana hari sepanjang waktu perniagaan cawangan Bank setelah menandatangani permohonan untuk penggunaan sedemikian tetapi Bank tidak akan terikat untuk membenarkan akses sedemikian dalam peristiwa berikut:-
 - (a) Jika tandatangan Penyewa tidak disahkan mengikut kepuasan Bank; dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada Bank enggan memberi akses kepada Peti kepada pemohon kerana Bank tidak berpuas hati dengan ketulenan tandatangan; atau
 - (b) Jika Penyewa tidak mengemukakan Kunci 'B' untuk Peti atau menggunakan Kunci 'B' untuk membuka Peti;
 - (c) Jika sewa tertunggak dan tidak dibayar atau apa-apa jumlah perlu dibayar dan terhutang kepada Bank daripada Penyewa di bawah syarat ini.
9. Bank akan berhak menggantung hak akses Penyewa kepada Peti pada bila-bila masa dan dari masa ke masa dan untuk apa-apa tempoh atas budi bicara mutlak Bank tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu dan tanpa memberikan sebarang sebab, maka merangkumi tanpa menjejaskan keluasan makna yang terdahulu itu:-
 - (a) Sekiranya berlaku situasi kecemasan atau untuk membuat pindaan atau pembaikan kepada kawasan Peti atau untuk tujuan keselamatan atau sekuriti; atau
 - (b) Sekiranya Bank menerima notis tentang petisyen kebangkrutan, petisyen penggulungan atau injunksi terhadap Penyewa atau sekiranya berlaku apa-apa isu perundangan yang lain, penahanan, tindakan atau prosiding berkaitan dengan Penyewa atau Peti atau Perjanjian ini; atau
 - (c) Jika dikehendaki oleh undang-undang atau untuk mematuhi apa-apa undang-undang; atau
 - (d) Pertikaian antara pemegang Peti bersama.
10. Jika sewa tertunggak dan telah tidak dibayar selama satu (1) bulan selepas tarikh matang sama ada diminta secara formal atau tidak atau jika terdapat apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan atau kegagalan oleh Penyewa tentang peruntukan dalam Perjanjian ini, Penyewa akan kehilangan apa-apa hak akses kepada Peti tetapi akan tetap bertanggungjawab untuk membayar sewa atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, menjelaskan tunggakan (jika boleh dijelaskan) dalam masa satu (1) bulan kalendar dari tarikh notis daripada Bank. Jika Penyewa gagal mematuhi, Bank akan berhak dengan memberikan notis kepada Penyewa:-
 - (a) untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta; dan/atau
 - (b) untuk menolak daripada apa-apa akaun atau akaun-akaun yang Penyewa mungkin ada dengan Bank
11. Bank boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa tanpa menyatakan sebab dengan memberikan kepada Penyewa tidak kurang daripada satu (1) bulan lebih awal notis penamatan sedemikian atau selaras dengan fasal 10 di atas. Penyewa boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis satu (1) bulan kalendar secara bertulis tentang penamatan sedemikian.
12. Dengan penamatan Perjanjian untuk disewa oleh Bank atau Penyewa, semua harta yang didepositkan di dalam Peti akan dikeluarkan dan kunci B dikembalikan kepada Bank. Penerimaan kunci B akan diperakui oleh Bank dengan membayar balik deposit. Dalam kes penyewaan bersama yang cara operasi Peti adalah komposisi penyewa bersama mempunyai akses kepada Peti, setiap penyewa bersama dengan ini bersetuju bahawa Bank akan mengikuti mod operasi Peti pada masa penamatan Perjanjian dan untuk menutup Peti dan mod operasi sedemikian merupakan pelepasan lengkap wajib bagi Bank terhadap semua penyewa bersama. Setelah Perjanjian ini ditamatkan dalam apa-apa cara, untuk apa-apa sebab atau di bawah apa jua keadaan sekalipun, sewa tahunan yang dibayar kepada Bank tidak akan dibayar balik.
13. Jika kandungan Peti tidak dikeluarkan atau kunci B tidak dikembalikan kepada Bank pada/atau selepas penamatan Perjanjian, Bank akan mempunyai hak pada bila-bila masa selepas itu

- (a) untuk memecahkan Peti dengan kehadiran dua (2) orang pegawai Bank. Selepas membuka Peti secara paksa Bank akan menyediakan penyata tentang kandungan di dalam Peti yang akan ditandatangani oleh dua orang pegawai Bank dan ini akan menjadi bukti muktamad bagi item yang ditemui di dalam Peti semasa Peti dibuka, dan menyimpan kandungan di tempat tertentu yang difikirkannya sesuai;
 - (b) untuk mengenakan caj yang setara dengan dua kali ganda jumlah sewaan untuk tempoh bermula dari hari selepas hari penamatan Perjanjian ini sehingga hari semua kandungan Peti dikeluarkan oleh Penyewa atau semua kandungan Peti tidak lagi bersama Bank dan kunci B dikembalikan dan diterima oleh Bank;
 - (c) Jika dalam masa 2 bulan wang tidak dibayar atau syarat demikian tidak dipenuhi, Bank boleh dengan serta-merta tanpa notis terlebih dahulu dan atas perbelanjaan Penyewa menjual semua atau apa-apa kandungan di dalam Peti melalui lelongan awam atau jualan langsung dan menggunakan kutipan bersih untuk melunaskan wang yang terhutang kepada Bank untuk sewaan atau perbelanjaan sedemikian seperti yang tersebut sebelumnya dan lebihan kutipan jualan (jika ada) akan disimpan oleh Bank untuk Penyewa sedemikian tanpa apa-apa liabiliti pada pihak Bank untuk faedah dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian/kerugian-kerugian yang mungkin disebabkan oleh penjualan sedemikian.
14. Sekiranya berlaku kematian Penyewa atau salah seorang Penyewa bersama yang menetapkan mod operasi perlu semua menandatangani, wakil dirinya yang sah di sisi undang-undang atau wakil-wakil jika lebih daripada seorang, jika mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir dan menandatangani nama beliau atau nama mereka di dalam borang Permohonan dan mengemukakan kunci B, boleh mempunyai akses kepada dan membuka Peti dan mengeluarkan semua kandungan, dan tindakan ini akan menamatkan Perjanjian secara automatik. Bank boleh atas budi bicaranya semata-mata tanpa bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, sebelum pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir membenarkan mana-mana orang yang mendakwa berhak mentadbir harta pusaka Penyewa yang telah meninggal untuk membuka Peti dan memeriksa kandungan dengan kehadiran seorang pegawai Bank, tetapi orang tersebut tidak akan mengeluarkan apa-apa kandungan. Untuk Penyewa bersama dengan mod operasi salah seorang untuk menandatangani, Penyewa yang masih hidup boleh mendapatkan akses kepada Peti dengan mengemukakan tandatangan beliau dan kunci B.
15. Apa-apa notis yang ditinggalkan atau dihantar di dalam sampul surat dialamatkan kepada Penyewa di alamat yang telah beliau berikan kepada Bank atau ke alamat lain seumpamanya seperti yang mungkin beliau arahkan dari masa ke masa kepada Bank untuk ditukarkan akan dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya kepada Penyewa.
16. Dengan ini dipersetujui dengan jelas bahawa sekiranya berlaku kerugian yang ditanggung oleh Penyewa(-penyewa) akibat kemusnahan/kerugian/kerusakan terhadap kandungan di dalam Peti yang timbul akibat daripada rompakan/kecurian/bencana di dalam bilik kebal deposit keselamatan, Bank akan tertakluk pada penyelesaian dokumentasi tuntutan yang sewajarnya, bertanggungjawab sehingga jumlah maksimum RM10,000-00 sahaja. Dalam semua keadaan, tiada liabiliti untuk kerugian turutan. Fasal ini akan diterima pakai sama ada tuntutan atau tindakan undang-undang untuk kerugian dimulakan menurut Perjanjian ini atau sebaliknya.
17. Bank akan berhak pada bila-bila masa dan dari masa ke masa untuk mengubah atas budi bicaranya sewa yang perlu dibayar dan apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal penyewaan peti deposit keselamatan dengan menyiarkan notis melalui laman web rasmi Bank atau notis di cawangan Bank dan kadar yang dipinda sedemikian akan berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Penyampaian notis tersebut hendaklah dijalankan dengan cara yang dinyatakan dalam dokumen ini. Penyewa diminta melayari laman web korporat Bank di www.ambankgroup.com untuk mengetahui Terma & Syarat Peti Deposit Keselamatan yang terkini.
18. Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam Syarat-syarat ini, Penyewa bersetuju bahawa sebarang sewa, fi dan caj yang dikenakan ke atas Penyewa bagi sebarang pembekalan barangan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank di bawah Perjanjian adalah tidak termasuk CBP sebagaimana yang mungkin terpakai di bawah Undang-undang CBP. Sekiranya terdapat sebarang pembekalan yang dibuat di bawah Perjanjian ini adalah tertakluk kepada CBP, maka pihak Bank berhak untuk membuat pindaan yang sepatutnya bagi amaun yang dikenakan CBP dan mendapatkan kembali amaun tambahan tersebut daripada Penyewa sebagai tambahan kepada sewa, fi dan caj bagi kemudahan Peti tersebut.